

15 OCT 2000

Abdullah-Umno

CADANGAN WANITA UMNO BERHUBUNG PUTERI UMNO AKAN DIBINCANGKAN

JOHOR BAHRU, 15 Okt (Bernama) -- Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Wanita Umno berhubung penubuhan Puteri Umno akan dibincangkan pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) akan datang.

"Yang pentingnya mesti ada tempat dalam Umno untuk Puteri Umno agar mereka dapat bersama-sama menjalankan pelbagai kegiatan yang dapat menguntungkan parti di samping bekerjasama dengan Wanita dan Pemuda Umno," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Abdullah berkata beliau berharap Puteri Umno akan dapat menjalin hubungan dan kerjasama yang baik dengan Wanita Umno agar wujud persefahaman dalam perjuangan parti.

Beliau diminta mengulas mengenai laporan sebuah akhbar hari ini bahawa Wanita Umno akan mengesyorkan kepada MT Isnin ini supaya Ketua Puteri Umno dilantik sebagai anggota MT dan bukannya bertaraf naib presiden.

Cadangan asal Puteri Umno menetapkannya sebagai pergerakan yang bebas daripada Wanita Umno, mempunyai cawangan, bahagian dan barisan Exco sendiri selain mensyaratkan supaya Ketua Puteri Umno bertaraf naib presiden, berusia 40 tahun ke bawah.

Baru-baru ini, Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata percanggahan pendapat oleh Wanita Umno mengenai Puteri Umno merupakan masalah dalaman parti dan ia boleh diselesaikan.

Penubuhan Puteri Umno telah dibangkitkan oleh anggota MT, Azalina Othman Said.

Wanita Umno dalam pertemuannya dengan Abdullah, Rabu lepas, bersetuju dengan penubuhan sayap kanan baru itu tetapi mahu struktur organisasi Puteri Umno diperhalusi semula.

-- BERNAMA

MKO AKD